

TPM dan GPE jalin kerjasama tenaga boleh diperbaharui

Utusan Borneo

1 Februari 2018

TPM dan GPE jalin kerjasama tenaga boleh diperbaharui

Utusan Borneo (Sarawak) 1 Feb 2018 [+3 more](#)



JALIN KERJASAMA: TPM dan GPE telah menandatangani MoU membabitkan kerjasama dalam projek ladang solar tenaga boleh diperbaharui berskala besar dan projek biomas di Kuala Lumpur, kelmarin. MoU itu dimeterai oleh Azman (kanan) dan Dong Jin Sin.

KUALA LUMPUR: Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) dan syarikat Korea Selatan, Green Planet Energy Co Ltd (GPE) kelmarin menandatangani memorandum

persefahaman (MoU) membabitkan kerjasama dalam projek ladang solar tenaga boleh diperbaharui berskala besar dan projek biomas. Memorandum itu dimeterai oleh Presiden

Related Stories

CRM, First Affiliated Hospital Universiti Zhejiang meterai MoU

Utusan Borneo (Sabah) 3 Feb 2018

TPM, South Korean firm to tie up in RE deal

StarBiz 31 Jan 2018

TPM, GPE jalin kerjasama tenaga boleh diperbaharui

Utusan Borneo (Sabah) 1 Feb 2018

dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir Mohd Azman Shahidin manakala GPE diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dong Jin Sin.

Selepas pemeteraian perjanjian muktamad antara kedua-dua pihak itu, TPM dijangka berperanan sebagai wakil/sumber pengedar eksklusif produk GPE berkuasa solar (dengan sokongan teknikal) di Malaysia bagi tempoh 10 tahun akan datang, kata TPM dalam satu kenyataan kelmarin.

GPE ditubuhkan pada 2014 dan menjalankan perniagaan teras dalam usaha penjanaan kuasa tenaga boleh diperbaharui.

Menurut Azman, hasil kolaboratif itu

berkemungkinan menyaksikan penubuhan sebuah syarikat tujuan khas (SPV) sebagai entiti pembeli tenaga boleh diperbaharui (PPE) yang membabitkan penggunaan kurang daripada 100 megawatt (MW) setahun. — Bernama

Write a comment...

Print Listen Page View Share Comment Save More

Bump it

Dump it